



07 FEB, 2025

TNB arah heli kedua henti operasi

Harian Metro, Malaysia



TNB arah heli kedua *henti* operasi

Kuala Lumpur: Tenaga Nasional Berhad (TNB) mengarahkan pemberhentian kerja bagi penggunaan helikopter kedua yang turut terbabit dalam kerja-kerja penyelenggaraan di tapak projek.

Ia susulan insiden heli-

kopter pertama terbakar ketika mendarat cemas untuk mengisi minyak berdekatan tapak projek TNB di Bentong, di sini, semalam.

Dalam kenyataan, TNB memaklumkan pihaknya menerima laporan berhubung kejadian pada 10.26 pagi.

“Laporan awal menyatakan juruterbang berjaya dikeluarkan dengan selamat, manakala seorang pekerja syarikat helikopter (warga Indonesia) meninggal dunia.

“Pasukan bomba berjaya memadamkan kebakaran di

lokasi kejadian. TNB akan memberikan kerjasama penuh kepada pihak berkuasa dalam siasatan insiden ini,” katanya dalam kenyataan di Facebook, semalam.

Menurutnya, TNB merakamkan ucapan takziah kepada keluarga mangsa.